

Latihan Ayat Bersusunan Biasa & Ayat Songsang

Tukarkan ayat bersusunan biasa di bawah kepada ayat bersusunan songsang.

1. Peserta pertandingan pidato itu sungguh petah berbicara.

Ayat songsang:

2. Keropok lekor sangat popular di Terengganu kerana rasanya yang enak.

Ayat songsang:

3. Negeri-negeri di Pantai Timur dilanda banjir disebabkan hujan lebat yang berterusan.

Ayat songsang:

4. Bangunan lama di pinggir bandar dirobuhkan oleh pekerja.

Ayat songsang:

5. Pemberita melaporkan keadaan banjir semakin surut.

Ayat songsang:

6. Kami berkumpul di rumah nenek di kampung pada hari raya pertama.

Ayat songsang:

7. Syarat-syarat pertandingan menulis karya kreatif telah diterangkan oleh pihak penganjur sebentar tadi.

Ayat songsang:

8. Cenderamata yang dihadiahkan oleh rakan-rakannya tersusun dengan kemas di dalam almari perhiasan koleksi.

Ayat songsang:

9. Sambutan yang diberikan oleh orang ramai terhadap Kempen Gaya Hidup Sihat itu Sungguh menggalakkan

Ayat songsang:

10. Budak-budak itu mandi di lombong.

Ayat songsang:

11. Sufian Subandoro sedang sakit tenat di hospital.

Ayat songsang:

12. Cincin yang bertatahkan berlian itu sungguh cantik

Ayat songsang:

13. Anak-anak Pak Man Toya itu berkejar-kejaran di taman.

Ayat songsang:

14. Keadaan suhu di atas Bukit Melawati sungguh dingin pada awal pagi

Ayat songsang:

15. Rumah Kak Limah yang besar di atas bukit itu tidak berpenghuni sejak sepuluh tahun yang lalu

Ayat songsang: